

27/02/1997

Melayu boleh kuasai teknologi maklumat (HL)

Zamzam Omar; Radzi Wahab

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin orang Melayu boleh berjaya dalam teknologi maklumat jika mereka ada kemahuan dan dari awal lagi mengetepikan anggapan yang mereka tidak boleh melakukannya.

Menurut Perdana Menteri, jika mahu berjaya dalam bidang itu, orang Melayu tidak harus ada perasaan takut kepada komputer, apa lagi ketika penggunaan teknologi itu semakin mudah.

Sehubungan itu, beliau menolak pandangan kononnya orang Melayu agak lembap dan lambat apabila berhadapan dengan teknologi. Sebaliknya, semakin ramai anak Melayu kini berpendidikan tinggi dalam bidang teknologi maklumat.

"Tidak semua orang Melayu lemah, malah kita dapati ramai orang muda yang berpelajaran begitu 'advance' dalam teknologi maklumat sehingga mereka bekerja di Hollywood untuk membuat macam-macam yang kita tak pun terfikir.

"Jadi sama ada orang Melayu boleh guna komputer atau tidak terpulang kepada pemilihan mereka. Kalau dari awal-awal lagi membuat anggapan bahawa kita tidak boleh, maka sudah tentu kita tidak akan cuba dan dengan itu tidak boleh," katanya.

Beliau berkata demikian dalam program Wawancara Bersama Perdana Menteri yang disiarkan menerusi TV1 malam ini. Panelnya ialah Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Johan Jaafar dan Penolong Pengarang Kumpulan New Straits Times, Ahmad Talib.

Dr Mahathir berkata, orang Melayu kini sudah mengalami perubahan sikap dan budaya yang menyebabkan sanggup berbuat sesuatu yang dulu mereka tidak terfikir melakukannya. Malah mereka berjaya dalam pelbagai bidang baru diceburi.

Ditanya jika beliau berpuas hati dengan pencapaian kemajuan Koridor Raya Multimedia (MSC) khususnya di segi penggunaan komputer di negara ini, beliau berkata, memang menjadi tabiatnya tidak pernah berpuas hati.

"Saya hendak lebih lagi tetapi hakikatnya ialah kita lebih maju dari banyak negara membangun yang lain walaupun kita ketinggalan kalau dibandingkan dengan negara yang sudah maju.

"Antara negara yang sudah maju pun, ada juga yang ketinggalan dan mereka sendiri pun berasa mereka lemah dalam bidang ini. Jadi hanya dengan kerana ini, tidak bermakna bahawa kita tidak perlu berusaha," katanya.

Mengenai kaitan MSC di Malaysia dengan Hollywood, Dr Mahathir berkata apa yang beliau mahu ialah membawa teknologi membuat filem Hollywood yang antaranya mampu membuat filem tanpa aktor.

"Dengan menggunakan gambar lama, kita boleh menggerakkan gambar itu membuat sesuatu yang dibolehkan dengan komputer. Umpamanya dalam gambar (filem) Forest Gump, dia bersalam dengan presiden yang sudah mati dan presiden itu bercakap dengan dia.

"Sekarang ini, kita sebenarnya boleh ambil gambar John Wayne yang lama atau P Ramlee yang lama, suruh dia menyanyi lagu lain. Dia boleh buka mulut menyanyi dengan menggunakan komputer.

"Itu teknologi yang sekarang ini masih dalam proses pembangunan yang kita nak bawa ke Malaysia. Bukan kita nak bawa filem studio, bawa filem Clint Eastwood datang sini," katanya.

(END)